

## **PEMBENTUKAN MODEL BUDAYA ORGANISASI ISLAM HOLISTIK DI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA.**

Rosfazila Binti Abd Rahman (Ph.D.), Novel Anak Lyndon (Ph.D.), Latifa Bibi Binti Musafar Hameed (Ph.D.), Abdul Razif Bin Zaini (Ph.D.), Mohd Shahrul Nizam Bin Mohd Danuri (Ph.D.), Pn. Marliana Abdullah & Khairul Anuar Bin Ahmad (Ph.D.)

### **ABSTRAK**

Budaya organisasi Islam adalah set nilai berdasarkan al-Quran, Sunnah, Ijma dan Qiyas yang membantu ahli-ahli organisasi berkaitan dengan kefahaman mereka terhadap maksud organisasi, cara organisasi beroperasi dan perkara yang berkepentingan. Pengamalan budaya organisasi Islam melalui Sistem Perbankan Islam (SPI) di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan manifestasi pertumbuhan semula asas nilai-nilai Islam di bank-bank Islam. Hasil kajian akan mencadangkan model budaya organisasi Islam Holistik yang dipusatkan di institusi perbankan Islam sebagai medium dan tapak perlaksanaannya bagi kelestarian pengurusan organisasi. Pembinaan model baharu ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan dasar kepada institusi perbankan Islam khususnya dalam memperkasakan lagi pengurusan organisasi di samping mewujudkan budaya organisasi Islam Holistik yang secara langsung dapat mengimarahkan syariat Islam secara total. budaya organisasi Islam memainkan peranan yang besar sebagai kemudahan bagi umat Islam. Kemudahan ini diperoleh melalui peranannya dan kemudahan dalam semua aspek budaya kerja dan pengurusan organisasi. Namun berdasarkan pemerhatian, tidak terdapat model budaya organisasi Islam dibangunkan di institusi perbankan Islam di seluruh Malaysia bagi memastikan kelestarian pengurusan organisasi. Oleh yang demikian, konsep model budaya organisasi Islam Holistik di institusi perbankan Islam bagi kelestarian pengurusan organisasi di Malaysia adalah bertepatan dengan peranan institusi perbankan Islam di Malaysia dalam membantu meningkatkan pembangunan masyarakat seiring dengan dengan perkembangan dan kemajuan semasa. Keperluan mewujudkan model budaya organisasi Islam Holistik sebagai budaya organisasi di institusi perbankan Islam sangat penting dalam melestarikan pengurusan organisasi secara lebih menyeluruh/holistik dan berkesan.

Kata kunci : sosiologi & antropologi, perbankan Islam, perbankan konvensional, budaya organisasi, budaya organisasi Islam.

### **1.0 PENGENALAN**

Sistem ekonomi yang menggunakan sistem bank konvensional moden dikatakan telah wujud kira-kira 850 tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, penubuhan *banco della Pizza* di Rialto di Venice pada tahun 1587 dianggap sebagai titik permulaan perkembangan bank moden. Di England, bank konvensional moden dianggap tidak wujud sebelum tahun 1640 dan *Bank of England* ditubuhkan pada tahun 1694. Istilah bank boleh didefinisikan sebagai institusi kewangan yang berteraskan aktiviti

penerimaan deposit dengan kontrak pemberian premium atau faedah dan penyediaan hutang atau pembiayaan dengan dikenakan faedah. Wang diklasifikasikan sebagai komoditi yang mempunyai harga di mana pihak yang memberi pinjaman berhak mendapat pulangan prinsipal dan premium di atas wang yang dipinjamkan (Bank Muamalat 2012).

Umumnya sistem ekonomi Islam adalah sebuah sistem dan bukan merupakan suatu ilmu pengetahuan kerana ia adalah cara yang dianjurkan oleh agama Islam dalam mengejar kehidupan ekonomi. Sistem ekonomi Islam bukanlah merupakan suatu penafsiran yang dengannya Islam menjelaskan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kehidupan ekonomi dan hukum-hukum yang berlaku di dalamnya. Ia adalah sistem ekonomi yang berisikan setiap aturan dasar dalam kehidupan ekonomi yang berhubungan dengan ideologi (keadilan sosial) (Aditya Ananda 2015). Di dalam dunia Islam, sistem ekonomi Islam telah lama diamalkan sejak zaman Rasulullah saw, namun dengan munculnya fahaman pemikiran kapitalis, sosialis serta pemikiran ekonomi yang lain menyebabkan sistem ekonomi Islam umpama terpinggir. Namun, rentetan kejatuhan serta ketidakseimbangan yang wujud dalam sistem-sistem tersebut serta kebangkitan Islam dan aspirasi umat untuk menghayati ajaran Islam dalam kehidupan, maka berlaku peralihan seluruh dunia untuk mempraktikkan sistem ekonomi Islam yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Sistem kewangan Islam bukan sahaja menjadi tumpuan di negara-negara Islam tetapi juga di negara-negara Eropah (Hatem A. El-Karanshawy 2015; Islamic Financial Services Board IFSB 2015).

Kejayaan penubuhan Bank Islam yang pertama di dunia iaitu Bank Islam Dubai dan kemunculan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975 telah menjadi perintis kepada penubuhan institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Sehingga kini pasaran baru telah muncul dan menjadi pemacu utama pertumbuhan global sejak lima tahun. Walaupun terdapat pergolakan baru-baru ini, kewangan dan perbankan Islam kekal penting kepada pertumbuhan global dalam dekad akan datang. Sekumpulan 25 pasaran cepat-pertumbuhan (RGM) telah membentuk semula ekonomi dunia; dan 10 daripada 25 RGM mempunyai penduduk Islam yang besar. Masyarakat dunia tetap yakin bahawa Bahrain dan enam daripada RGM iaitu Qatar, Indonesia, Arab Saudi, Malaysia, UAE dan Turki - akan terus memacu masa depan pengantarabangsaan industri perbankan (*Islamic Banking Report 2015*).

Di Malaysia, konsep kewangan Islam juga dikenali sebagai kewangan syariah bukanlah sesuatu yang baru, sejak perkembangan Islam di kepulauan nusantara pada abad ke-12, undang-undang Islam dalam perdagangan telah mula mempengaruhi masyarakat tempatan. Dalam undang-undang Melaka, terdapat beberapa peraturan yang menyentuh tentang pengharaman amalan riba dalam urusan jual beli. Transaksi Islam juga telah digunapakai oleh masyarakat petani di Kedah, Perlis dan Perak sebelum kedatangan penjajah. Konsep yang digunapakai dikenali sebagai *Al-Bay' al-Wafa* iaitu jualan dengan pilihan untuk membeli balik. Amalan tersebut diamalkan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berasaskan bunga yang diuruskan oleh institusi cetera pada waktu berkenaan (Bank Muamalat 2012).

Selepas kemerdekaan, permintaan untuk mewujudkan satu institusi kewangan yang halal telah meningkat. Di Malaysia, fasa pertama pembinaan sistem kewangan Islam (SKI) bermula dengan penubuhan Tabung Haji sebagai institusi kewangan bukan bank Islam pertama di Malaysia pada tahun 1963. Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu umat Islam di Malaysia menyimpan wang untuk menunaikan ibadah haji. Fasa kedua pula bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983 dan penawaran produk-produk kewangan Islam di perbankan konvensional yang dikenali sebagai Skim Perbankan Tanpa Faedah (Skim Perbankan Islam), menjadikan Malaysia negara pertama di dunia yang menawarkan SPI selari dengan perbankan konvensional. Fasa ketiga pembinaan SKI memfokuskan kepada usaha memperkukuhkan institusi kewangan domestik dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa di samping membuka pasaran kewangan Islam negara kepada institusi-institusi kewangan luar Negara (Zulkefly et al. 2004).

Kejayaan Tabung Haji mendorong pelbagai pihak untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan agar menubuhkan sebuah bank Islam sepenuhnya. Gerakan ini adalah hasil pelbagai perbincangan dan kajian demi kajian yang akhirnya menghasilkan rumusan bahawa wujudnya keperluan menubuhkan sistem perbankan yang berteraskan Syariah. Gelombang ini turut dicetuskan di peringkat antarabangsa di mana usul untuk menubuhkan bank Islam di negara-negara Islam telah dibincang dalam Mesyuarat Kedua Menteri-menteri Luar Negara Islam dalam tahun 1971. Hasilnya Kabinet meluluskan penubuhan Bank Islam pertama pada tahun 1983 yang dikenali

sebagai Bank Islam Malaysia Berhad yang dikawalselia di bawah Akta Perbankan Islam 1983 (Bank Muamalah 2012).

Di Malaysia, Sistem Perbankan Islam (SPI) mula berkembang sejak tahun 1983 melalui Akta Perbankan Islam 1983 yang membawa kepada penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Bank Islam Malaysia Berhad memulakan operasi sebagai bank Islamik Malaysia yang pertama pada 1 Julai 1983. Penubuhannya diasaskan untuk memberi kemudahan kepada keperluan kewangan Muslim di Malaysia khususnya dan kepada masyarakat umum amnya. Peranan juga dimainkan BIMB sebagai pemangkin penubuhan Malaysia sebagai Hub Kewangan Islam Global yang tersohor (Laporan Tahunan BIMB 2009).

Fokus penelitian kajian adalah organisasi formal institusi perbankan Islam iaitu memahami erti budaya organisasi serta nilai yang tertanam bersamanya. *Subject matter* kajian adalah organisasi formal. Kajian cuba memahami sebuah organisasi perbankan yang berorientasikan Islam dari pendekatan kualitatif dan merupakan satu penerokaan yang agak baru. Ruang lingkup penelitian menepati bidang kajian iaitu Antropologi dan Sosiologi.

## **2.0 PRINSIP SISTEM PERBANKAN ISLAM DAN PRINSIP PERBANKAN KONVENSIONAL.**

### **2.1 Sistem Perbankan Islam**

Perbankan Islam merujuk kepada sistem perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam atau juga dikenali sebagai undang-undang Syariah. Prinsip-prinsip asas yang menguasai perbankan Islam ialah saling berkongsi risiko dan keuntungan antara kedua-dua pihak, jaminan keadilan untuk semua dan urus niaga yang dijalankan itu adalah berdasarkan aktiviti perniagaan atau aset asas (MIFC 2011).

Prinsip-prinsip ini disokong oleh nilai-nilai teras perbankan Islam yang menggalakkan aktiviti yang memupuk keusahawanan, menjana perniagaan dan perdagangan serta menghasilkan pembangunan kemasyarakatan atau manfaat. Aktiviti yang melibatkan faedah (riba), perjudian (*maisir*) dan urus niaga spekulatif (*gharar*) adalah dilarang.

Dengan memanfaatkan pelbagai konsep kewangan Islam seperti *ijarah* (sewa beli), *mudharabah* (perkongsian keuntungan) dan *musyarakah* (perkongsian), institusi perbankan mempunyai fleksibiliti, kreativiti dan pilihan yang lebih banyak dalam menghasilkan produk-produk kewangan Islam. Selain itu, dengan menekankan bahawa keperluan terhadap urus niaga harus disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan atau perniagaan, perbankan Islam menetapkan standard yang lebih tinggi bagi pelaburan dan menggalakkan kebertanggungjawaban dan pengurangan risiko yang lebih besar.

Kewangan Islam telah berkembang dengan begitu pesat sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 1970-an. Aset perbankan Islam global dan aset di bawah pengurusan kewangan Islam pada masa ini telah mencapai USD750 bilion dan dijangka mencecah USD1 trilion pada 2010 (Mckinsey 2008).

Terdapat lebih daripada 300 institusi kewangan Islam di 75 buah negara di seluruh dunia. Menurut Asian Banker Research Group, 100 bank Islam terbesar di dunia telah mencatat kadar pertumbuhan aset tahunan sebanyak 26.7% dan industri kewangan Islam global mencatat pertumbuhan purata 15-20% setiap tahun (Mckinsey 2008).

Industri kewangan Islam di Malaysia telah beroperasi lebih daripada 30 tahun yang lalu. Penggubalan Akta Bank Islam 1983 telah membolehkan Bank Islam yang pertama ditubuhkan dan seterusnya lebih banyak institusi kewangan Islam telah ditubuhkan di dalam negara berikutan liberalisasi sistem kewangan Islam.

Kejayaan Malaysia membangunkan industri kewangan Islam domestik dalam tempoh lebih daripada 30 tahun telah memberikan asas yang kukuh kepada negara - asas kukuh kestabilan kewangan yang melengkapkan kekayaan, kepelbagaian dan kematangan sistem kewangan Islam. Pada masa ini, aset perbankan Islam Malaysia mencapai USD65.6 bilion dengan kadar pertumbuhan purata 18-20% setiap tahun (Bank Negara Malaysia 2007).

Pada masa ini, kewangan Islam berkembang pesat di Malaysia, disokong oleh persekitaran yang kondusif yang terkenal dengan inovasi produk berterusan, yang berbagai rangkaian instrumen pelaburan Islam, infrastruktur kewangan yang komprehensif dan menerima pakai amalan terbaik pengawalseliaan dan undang-

undang global. Malaysia juga memberikan penekanan yang penting kepada pembangunan modal insan dalam pembangunan industri kewangan Islam bagi memastikan ketersediaan tenaga kerja mahir dalam kewangan Islam. Semua tawaran nilai ini telah mentransformasikan Malaysia menjadi salah satu pasaran perbankan Islam yang paling maju di dunia (MIFC 2011).

Liberalisasi yang pesat dalam industri kewangan Islam, di samping persekitaran yang memudahkan urusan perniagaan telah mendorong institusi kewangan asing memilih Malaysia untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam. Ini telah dapat memupuk komuniti institusi kewangan tempatan dan antarabangsa yang pelbagai dan semakin besar.

Kini, Malaysia mempunyai sebilangan besar bank Islam sepenuhnya termasuk beberapa entiti milik asing; institusi konvensional yang telah menubuhkan subsidiari Islam dan juga entiti yang menjalankan perniagaan mata wang asing. Semua institusi kewangan diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan dalam ringgit dan bukan ringgit. Malaysia terus berkembang maju dan akan membangunkan industri ini dengan menggalakkan institusi kewangan asing untuk menubuhkan perniagaan perbankan Islam antarabangsa di Malaysia bagi menjalankan perniagaan mata wang asing.

Institusi kewangan Islam domestik juga boleh memohon untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Asing (UPMA), iaitu bahagian khusus untuk menjalankan perniagaan mata wang asing. UPMA juga diberikan pelbagai insentif cukai dan keistimewaan yang dapat mengurangkan kos perniagaan dan memudahkan untuk memasuki pasaran perniagaan kewangan Islam dalam mata wang asing (MIFC 2011).

## **2.2 Perbankan Konvensional**

Sistem bank konvensional moden dikatakan telah wujud kira-kira 850 tahun yang lalu. Walaubagaimanapun penubuhan Banco Bella Pizza di Rialto di Venice pada tahun 1587 dianggap sebagai titik permulaan perkembangan bank moden. Di England, bank konvensional moden dianggap tidak wujud sebelum tahun 1640 dan Bank of England hanya ditubuhkan pada tahun 1694 (Bank Muamalat 2012).

Istilah bank boleh didefinisikan sebagai institusi kewangan yang berteraskan riba iaitu penerimaan deposit dengan kontrak pemberian premium atau faedah dan penyediaan hutang atau pembiayaan dengan dikenakan faedah. Perbezaan kadar faedah di antara produk deposit dan pembiayaan adalah keuntungan kepada bank. Bentuk keuntungan yang diperolehi bank seperti aset cair iaitu wang (Bank Muamalat 2012).

Menurut sistem konvensional, wang boleh diklasifikasikan sebagai komoditi yang mempunyai harga di mana pihak yang memberi pinjaman berhak mendapat pulangan prinsipal dan premium di atas wang yang dipinjamkan. Pelbagai produk yang dikeluarkan oleh pihak bank konvensional yang terdiri daripada gadaian, kad kredit, overdraf dan pembiayaan peribadi untuk jangka masa yang pendek. Bagi produk jangkamasa yang panjang pula termasuklah seperti bon, bil perbendaharaan dan saham keutamaan (Bank Muamalat 2012).

**Sistem perbankan konvensional** berlandaskan prinsip komersial iaitu menitik beratkan keuntungan dalam perniagaan. Bank dan institusi kewangan komersial mempertemukan dua pihak yang berurus niaga iaitu pihak penyimpan yang mempunyai dana wang berlebihan yang tidak digunakan dan pihak pelabur yang menghadapi kekurangan dana wang untuk dilaburkan. Wang daripada pihak penyimpan disalurkan sebagai pinjaman kepada pihak pelabur. Bank akan mengenakan faedahnya kepada pihak penyimpan. Ciri-ciri perbankan konvensional ialah perbankan konvensional membayar kadar faedah kepada penyimpan, mengenakan faedah kepada peminjam atau pelabur dan mengamalkan prinsip keuntungan maksimum dalam pelaburannya (Bank Muamalat 2012).

### **3.0 BUDAYA PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA.**

Melalui sorotan karya yang ditemui, kajian yang berkaitan budaya organisasi di Malaysia antaranya tertumpu kepada sektor swasta dan badan berkanun (Kamal Bashah 1988; Othman 1994; Noor Azian 1996; Mohd Yatim 1999; Zaliza 2004; Rothiah 2005 dan Jainabee 2005). Kamal Bashah mengkaji budaya organisasi di Petronas, Othman mengkaji PDRM, Noor Azian pula meninjau status budaya organisasi di tiga buah syarikat swasta secara perbandingan, Mohd Yatim mengkaji budaya organisasi di institusi pendidikan MARA. Zaliza pula pada tahun 2004 telah mengkaji iklim

organisasi dan Jainabee pada 2005 mengkaji budaya organisasi di Maktab Perguruan Malaysia.

Kajian berhubung dengan budaya organisasi di organisasi perbankan / institusi kewangan pula, pernah dilakukan oleh Nor Azzah Kamri pada 2009. Fokus kajian beliau adalah berkaitan Pelaksanaan kod etika Islam di Institusi Pembangunan Berteraskan Islam iaitu kajian kes di Lembaga Tabung Haji Malaysia. Kajian beliau memberi penekanan kepada pembentukan dan pelaksanaan kod etika Islam dalam pengurusan organisasi (Nor Azzah 2009). Selain itu, kajian-kajian turut dijalankan di salah satu institusi perbankan Islam di Malaysia iaitu Bank Islam Malaysia Berhad. Namun kajian di Bank Islam lebih menjurus kepada prestasi bank dan Perbankan Islam (Maheran 2005 & Nur Azura 2005).

Malahan, terdapat juga beberapa kajian lain yang memfokuskan kepada pelaksanaan Sistem Perbankan Islam (SPI). Antaranya, Joni Tomkin Borhan membincangkan sejarah dan perkembangan SPI di Malaysia selain daripada prinsip dan amalan sistem tersebut (Joni, 2001). Manakala, Zaim Ismail menekankan kepada pengkajian pertumbuhan Perbankan Islam di Malaysia dan strategi pengukuhan institusi tersebut (Zaim, Anitha, Taquiuddin, & Hanani, 2015). Kajian mengenai perbandingan prestasi kewangan Islam antara perbankan Islam dan Konvensional di Malaysia turut dijalankan oleh Humaida Banu Samsudin dari tahun 2009 hingga 2014 (Humaida & Nur Amira, 2017). Sementara itu, Mohd Izzat melakukan kajian mengenai perbandingan analisis struktur tadbir urus syariah dalam Sistem Perbankan Islam antara Malaysia dan Indonesia (Mohd Izzat Amsyar & Ruzian, 2018). (Azizah, 2015) pula melakukan perbandingan Al-Rahnu di institusi perbankan Islam dan bukan Islam di Malaysia.

Kes lain, Mohd. Sadad Mahamad dan Radiah Abd Kader (2012) mengkaji Perkembangan Takaful di Malaysia. Ia merupakan satu kajian undang-undang Kewangan Islam dan Kamaruzaman Noordin (2014) telah mengemukakan analisis pelaksanaan Tawarruq dalam produk Pembiayaan Peribadi di Malaysia. Berikutan lagi, kajian-kajian yang dilakukan di institusi perbankan Islam di Malaysia melibatkan kajian-kajian perkara teknikal seperti aspek pelaksanaan, pendakwaan dan undang -



undang. (Mohammad Taqiuddin, Joni Tamkin, & Ahmad Azam, 2012) dalam tulisan mereka mengemukakan kelakuan perbankan Islam dalam menguruskan pembiayaan di Malaysia menerusi aspek pengaruh spesifikasi bank, perubahan dasar kewangan dan persekitaran ekonomi. Selain itu (Mohammad Taqiuddin, Joni Tamkin, & Mohd Afifuddin, 2012) membincangkan potensi perbankan Islam sebagai instrumen dalam mengembangkan dakwah di Malaysia dalam tulisan mereka. Manakala, (Zulkifli, Pelaksanaan Sistem Perbankan Islam di Malaysia : Perspektif Undang - Undang, 2007) pula mengulas pelaksanaan Sistem Perbankan Islam daripada perspektif undang – undang dan (Nasrul Hisyam, 2010) pula mengkaji industri perbankan Islam dan takaful melalui pelaksanaan prinsip hibah.

Kajian-kajian yang dijalankan tidak mengungkap dengan yang jelas tentang budaya organisasi Islam khususnya di institusi perbankan Islam sebagai organisasi Islam. Justeru, kajian tinjauan daripada perspektif ahli organisasi wajar dijalankan bagi mengungkap serta mengenalpasti sejauh mana nilai Islam melalui budaya organisasi Islam diterapkan dalam perlakuan kerja ahli organisasi. Lazimnya budaya organisasi yang baik akan melahirkan organisasi yang baik. Tambahan pula mana – mana institusi perbankan Islam di Malaysia adalah organisasi Islam dan wajar mencerminkan budaya Islam yang syumul.

Cabaran semasa yang dilalui memerlukan institusi perbankan Islam di Malaysia menggembeleng peranan dan fungsinya, memulakan proses untuk penyesuaian kepada pelbagai tuntutan dan realiti era baru. Oleh itu, adalah mustahak bagi institusi – institusi ini menerapkam budaya kerja agar ianya berkualiti seiring sebagai sebuah organisasi Islam yang memartabatkan syariat Islam kerana peranan dan matlamat organisasi Islam ialah melahirkan masyarakat yang komited terhadap ajaran agama dan dapat menjalani kehidupan dengan sejahtera (Mohd Shah 2002). Justeru satu tinjauan yang jelas mengenai budaya organisasi Islam di institusi perbankan Islam di Malaysia sangat diperlukan kerana ia memberi kesan kepada institusi – institusi ini sebagai sebuah organisasi meliputi aspek perancangan, perubahan, penyesuaian dan pelaksanaan yang ingin dilakukan secara khususnya dan kepada masyarakat amnya.

Menurut Sathe (1983, 1985) dan Soeters (1986) budaya yang dipersetujui bersama di antara organisasi dan ahlinya ialah situasi yang sentiasa diingini yang membolehkan matlamat organisasi tercapai sepenuhnya. Hanya apabila ahli mengenalpasti dan mempunyai hubungan emosi iaitu menerima dan menghayati matlamat organisasi, barulah mereka akan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap organisasi. Sebaliknya jika tidak difahami dengan jelas, budaya organisasi ini boleh merosakkan perjalanan organisasi (Deal 1985 & Sergiovanni 1996). Justeru, dengan melihat keberkesanan dan kecemerlangan budaya institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai sebuah organisasi Islam, matlamat untuk memartabatkan Syariat Islam sudah pasti menjadi lebih terjamin.

#### **4.0 PEMBENTUKAN MODEL BUDAYA ORGANISASI ISLAM HOLISTIK DI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA.**

Keperluan mewujudkan model budaya organisasi Islam Holistik sebagai budaya organisasi di institusi perbankan Islam sangat penting dalam melestarikan pengurusan organisasi secara lebih menyeluruh/holistik dan berkesan. Model Budaya Organisasi Islam Holistik boleh dijadikan sebagai garis panduan alternatif kepada pelbagai pihak terutamanya institusi perbankan Islam di Malaysia untuk mewujudkan budaya pengurusan Islam Holistik di institusi perbankan Islam bagi memenuhi keperluan menguruskan organisasi dengan lebih menyeluruh/holistik dan berkesan

#### **4.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Budaya perbankan Islam di Malaysia memerlukan institusi perbankan Islam di Malaysia mengembeleng peranan dan fungsinya, memulakan proses untuk penyesuaian kepada pelbagai tuntutan dan realiti era baru. Oleh itu, adalah mustahak bagi institusi – institusi ini menerapkam budaya kerja agar ianya berkualiti seiring sebagai sebuah organisasi Islam yang memartabatkan syariat Islam kerana peranan dan matlamat organisasi Islam ialah melahirkan masyarakat yang komited terhadap ajaran agama dan dapat menjalani kehidupan dengan sejahtera.

Cadangan pembentukan model budaya organisasi islam holistik di institusi perbankan islam di malaysia dibuat berdasarkan gembelengan latarbelakang SPI dan SPK di Malaysia, Budaya Perbankan Islam di Malaysia serta ciri-ciri SPI serta SPK yang mencakupi aspek-aspek penting teknikal dan taktikal.

#### **6.0 PENGHARGAAN**

Kajian ini ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Dana Geran Penyelidikan fundamental (FRGS) (ref: FRGS:/1/2018/ss04/kuis/02/1) yang diketuai oleh Dr. Rosfazila Binti Abd Rahman, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menjadi pusat gerakan dalam menjalankan kajian ini.

## 7.0 RUJUKAN

- Aditya Anwar. 2015. Studi Literatur Dampak Budaya Organisasi Pada Perusahaan Multinasional. *Jurnal Ekonomi Akuntansi dan Manajemen*.(S.I),V.14,n 1 July 2015
- Azizah, O. (2015). Pelaksanaan Al- Rahnu di Institusi Perbankan dan bukan Perbankan di Malaysia. 1-24
- Bank Negara Malaysia. 2007. Statistik Perbankan Tahunan 2007. t.tp : t. pt.
- Cawangan Muamalat dan Sosio Ekonomi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. 2012. *Perbandingan antara Perbankan Islam dan Konvensional*. Slaid. Selangor: Bank Muamalat.
- Faisal Hj. Othman. 1994. *Islam dan Masalah Zaman moden*. dlm. Siti Fatimah AbdulFakulti Pengurusan Perniagaan. 1989. Budaya Organisasi di Malaysia : Isu-isu semasa :Kertas Kerja Seminar Pengurusan. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Humaida, S. B., & Nur Amira, M. (2017). Perbandingan Prestasi Kewangan Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional di Malaysia dari Tahun 2009 hingga 2014. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*, 49-57
- Jainabee L.S Md. Kassim. 2005. *Budaya Organisasi dan kepuasan Kerja di Maktab Perguruan Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joni Tamkin Borhan. 2001. *Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya*, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 14, hal. 137 *Journal of Economics* 80: 314-24. *Journal of Management Studies* 23(3):437-361.
- Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC). 2011. *Pengenalan Sistem Kewangan Islam di Malaysia, Sistem Perbankan Islam*.  
[http://www.islamicfinanceinfo.com.my/bm/mengenai\\_perbankanislam/pengenalan-kewangan-islam-di-malaysia](http://www.islamicfinanceinfo.com.my/bm/mengenai_perbankanislam/pengenalan-kewangan-islam-di-malaysia) (24 Mac 2015)
- Mckinsey. 2008. *The World Islamic banking Competitiveness Report 2007-08, capturing the trillion dollar opportunity*.t.tp:t.pt.
- Mohammad Taqiuddin, M., Joni Tamkin, B., & Ahmad Azam, S. (2012). Kelakuan Perbankan Islam dalam Menguruskan Pembiayaan di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 29-38.

- Mohammad Taqiuddin, M., Joni Tamkin, B., & Mohd Afifuddin, M. (2012). Potensi Perbankan Islam sebagai Medium Baru Perkembangan Dakwah di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 117-142.
- Mohd Izzat Amsyar, M., & Ruzian, M. (2018). Struktur Tadbir Urus Syariah dalam Sistem Perbankan Islam : Analisis Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Undang - Undang dan Masyarakat*, 1-9.
- Nasrul Hisyam, N. (2010). Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia : Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful. *Jurnal Teknologi* , 69-81.
- Rothiah Omar. 2005. Kajian Mengenai Nilai Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Routledge
- Zaim, M. I., Anitha, R., Taqiuddin, M. M., & Hanani, N. A. (2015). Perbankan Islam di Malaysia : Tinjauan Strategi Pengukuhannya. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 48-56.
- Zaliza Mohd. Nasir. 2004. *Hubungan Iklim Organisasi Dengan Motivasi Kerja : Satu*
- Zulkefly A.Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid.2—4. Pendapatan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat: Pengalaman di Negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Dalam Hailani et.al (pnyt) *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn.Bhd.hlm 79-94.
- Zulkefly Abdul Karim, Aminudin Mokhtar & Mohd Azlan Shah Zaidi. 2004. Hubungan...t.tp

